

# Maybank lantik pengarah wanita ketiga

**Maybank** melantik Datin Paduka Jamiah Abdul Hamid sebagai Pengarah Bukan Eksekutifnya, yang juga pengarah wanita ketiga dalam lembaga pengarah kumpulan perbankan itu.

Beliau memiliki lebih 30 tahun pengalaman dalam dunia korporat dan memegang pelbagai jawatan kanan sepanjang kerjayanya termasuk Timbalan Presiden, Pembangunan Korporat dan Modal Insan di Permodalan Nasional Berhad (PNB).

Jamiah juga berkhidmat dengan beberapa lembaga pengarah syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan pelaburan PNB seperti Malaysia Mining Corporation Berhad, UMW

Holdings Berhad dan Chemical Company of Malaysia Berhad.

Beliau kini adalah Pengerusi di Kumpulan Syarikat Prolintas. Selain itu, Jamiah juga adalah memegang sijil Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Perancang Kewangan Bertauliah dengan Persatuan Perancang Kewangan Malaysia.

Beliau adalah lulusan Universiti Northern Illinois, Amerika Syarikat dalam bidang Ijazah Sarjana Muda Sains (Kewangan) dan juga Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Kebangsaan Malaysia.

Pengerusi Maybank, Tan Sri Me-

gat Zaharuddin Megat Mohd Nor, berkata dengan pengalaman dan kepimpinan yang luas, pelantikan beliau (Jamiah) melengkapi kekuatan lembaga pengarah, membawa pandangan segar dan kepakaran yang diperlukan untuk terus memberikan nilai terbaik untuk pihak berkepentingan kumpulan perbankan itu.

"Ia mengesahkan komitmen kami yang kukuh dalam merealisasikan Agenda Keterangkuman dan Kepelbagaian Kumpulan bertujuan menyokong perwakilan wanita yang lebih tinggi dalam kedudukan kepimpinan kumpulan," katanya menerusi kenyataan di Kuala Lumpur, semalam.